



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
MALAYSIAN EXAMINATION COUNCIL**

**IMTIHAN AL-KAFAAH LI AL-LUGHAH AL-ARABIYYAH (IKLA)
SECARA BERSEMUKA (FACE TO FACE)
MAC 2024**

A.	ARAHAN UMUM
	GENERAL INSTRUCTION
A.1.	Ujian IKLA dijalankan secara bersemuka di pusat ujian yang telah ditentukan. <i>The IKLA test is carried out face-to-face at a designated test center.</i>
A.2.	Calon perlu memuat turun slip pendaftaran ujian IKLA (IKLA/D) daripada portal MPM mulai 12 Mac 2024 dengan menggunakan pautan (<i>link</i>) http://webmpm1.mpm.edu.my/ikla-d untuk mengetahui angka giliran, tarikh, dan waktu ujian IKLA masing-masing. <i>Candidates are required to download the IKLA test registration slip (IKLA/D) from the MEC portal from 13 March 2024 by using the following link http://webmpm1.mpm.edu.my/ikla-d to get further information on index number, date, and time of the test.</i>
A.3.	Calon perlu memastikan kad pengenalan dan slip pendaftaran ujian IKLA (IKLA/D) ada bersama-sama dengan calon sepanjang waktu ujian IKLA berlangsung. Calon hendaklah meletakkan kad pengenalan dan IKLA/D tersebut di atas meja di dewan/bilik ujian. <i>Candidates must ensure that their identity card and IKLA test registration slip (IKLA/D) are with the candidates at all times during the IKLA test. Candidates must place their identity card and IKLA/D on the table in the Hall/test room.</i>
A.4.	Calon perlu berada dalam dewan/bilik ujian pada tarikh dan masa ujian IKLA yang telah dinyatakan dalam IKLA/D. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan calon dianggap TIDAK HADIR dan GAGAL UJIAN. <i>Candidates must be in the Hall / test room on the date and time of the IKLA test stated in IKLA/D. Failure to do so may result in the candidates being deemed absent and failing the test.</i>
A.5.	Calon perlu berada di dewan/bilik ujian Kemahiran Membaca (500/2), Menulis (500/1), dan Mendengar (500/3) 15 minit sebelum ujian bagi kemahiran tersebut bermula. <i>Candidates are required to be in the reading (500/2), writing (500/3), and listening (500/1) halls/rooms 15 minutes before the test for these skills begins.</i>
A.6.	Calon perlu berada di bilik kuarantin ujian Kemahiran Bertutur (500/4) 10 minit sebelum ujian bermula. <i>Candidates must be in the quarantine room for the Speaking Skills Test (500/4) 10 minutes before the Test begins.</i>

	A.7.	<p>Calon tidak akan diberikan tambahan masa sekiranya calon terlewat memasuki dewan/bilik ujian untuk menduduki ujian bagi sesuatu kemahiran.</p> <p><i>Candidates will not be given extra time if the candidate is late entering the Hall / test room to sit for a test for skill.</i></p>
	A.8.	<p>Calon yang tidak menduduki ujian IKLA pada tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan diberikan peluang kedua untuk menduduki ujian ini.</p> <p><i>Candidates that are not present for IKLA test on the designated date and time will not be given second chance.</i></p>
	A.9.	<p>Calon yang didapati melakukan salah laku semasa ujian IKLA seperti meniru daripada mana-mana sumber, meminta orang lain untuk menduduki ujian bagi pihak calon, atau lain-lain kesalahan akan dilaporkan kepada pihak USIM untuk tindakan lanjut.</p> <p><i>If candidates are found to have committed misconduct during the test such as copying answers from other sources, asking someone else to sit for the test on behalf of the candidates, or others will be reported to USIM for further action.</i></p>
	A.10.	<p>Calon hanya dibenarkan membawa masuk alat tulis seperti pensel 2B, pen, dan getah pemadam sahaja ke dalam dewan/bilik ujian kertas Membaca, Menulis, dan Mendengar. Bagi ujian kertas Bertutur pula, calon hanya dibenarkan membawa pensel atau pen sahaja.</p> <p><i>Candidates are only allowed to bring in stationery such as 2B pencils, pens, and rubber erasers into the Hall/test room for Reading, Writing, and Listening skills. For the Speaking test, candidates are only allowed to bring a pencil or pen.</i></p>
	A.11.	<p>Calon dibenarkan membawa botol minuman masuk ke dalam dewan/bilik ujian sepanjang tempoh ujian berlangsung. Botol minuman tersebut mesti diletakkan atas lantai sebelah tepi meja atau kerusi calon. Calon dilarang membawa masuk makanan atau makan di dalam dewan/bilik ujian ketika ujian berlangsung.</p> <p><i>Candidates are allowed to bring a bottle of drink into the Hall/test room during the test period. The bottle should be placed on the floor beside of the table or chair. Candidates are prohibited from bringing in food or eating in the Hall / test room during the test.</i></p>
	A.12.	<p>Calon dilarang membawa keluar kertas soalan dari dewan/bilik ujian. Petugas ujian akan mengutip semula semua kertas ujian calon sebaik sahaja ujian bagi sesuatu kertas berakhir. Kegagalan calon mematuhi perkara ini boleh mengakibatkan calon didakwa kerana melakukan salah laku semasa ujian.</p> <p><i>Candidates are not allowed to bring out question papers from the Hall / test room. The invigilators will collect all the candidates ' test papers as soon as the test for a paper ends. Failure to comply with this may result in the candidate being prosecuted for misconduct during the test.</i></p>
	A.13	<p>Calon dilarang membawa keluar dari dewan/bilik ujian kertas tulis ujian yang rosak atau tidak digunakan. Kertas tersebut hendaklah diletakkan di atas meja calon sebelum calon keluar dari dewan/bilik ujian. Petugas ujian akan mengutip kertas tersebut. Kegagalan calon mematuhi perkara ini boleh mengakibatkan calon didakwa kerana melakukan salah laku semasa ujian.</p> <p><i>Candidates are prohibited from bringing out of the examination hall/test room damaged or unused test writing paper. The paper should be placed on the candidate's desk before the candidate leaves the Hall / test room. The invigilators will quote the paper. Failure of the candidate to comply with this may result in the candidate being prosecuted for misconduct during the test.</i></p>

A.14.	<p>Calon tidak digalakkan untuk ke tandas semasa ujian bagi sesuatu kemahiran berlangsung. Ini bagi mengelakkan pembaziran masa semasa ujian. Sehubungan itu, calon digalakkan untuk ke tandas sebelum ujian bagi sesuatu kemahiran bermula.</p> <p><i>Candidates are not allowed to go to the toilet during a test. This is to avoid wasting time during testing. Therefore, candidates are encouraged to go to the toilet before the test for a skill begins.</i></p>
A.15.	<p>Calon boleh menghubungi MPM (u.p. Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi) sekiranya menghadapi masalah berkaitan ujian ini sebelum hari ujian di talian:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 03-6126 1634 • 03-6126 1745 • 03-6126 1608 <p><i>Candidates who have any further queries regarding this examination before the examination day may contact the Competency Item Building and Administrative Division, MEC via the following hotlines</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • 03-6126 1634 • 03-6126 1745 • 03-6126 1608

**BAHAGIAN PEMBINAAN DAN PENGENDALIAN KOMPETENSI
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
NO. TELEFON: 03-6126 1634/1745
NO. FAKS: 03-6126 1781
EMEL: ikla@mpm.edu.my**

**COMPETENCY ITEM BUILDING AND ADMINISTRATIVE DIVISION
MALAYSIAN EXAMINATION COUNCIL
TELEPHONE NUMBER: 03-6126 1634/1745
FACSIMILE NUMBER: 03-6126 1781
E-MAIL: ikla@mpm.edu.my**

Kemaskini: 5 Februari 2024